

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **DATO' HAJI MOHD ZAIM ABU HASAN**
KAWASAN : **PARIT**
NO. SOALAN : **54**

Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM ABU HASAN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengapa eksport kereta Proton telah merosot teruk dan apakah langkah Kementerian dan syarikat Proton bagi meningkatkan jualan dan populariti kereta keluaran Proton di dalam dan luar negara.

Jawapan

Senario pasaran antarabangsa telah mengalami perubahan yang ketara akibat krisis ekonomi global empat tahun yang lalu. Perubahan ini juga telah memberi impak kepada prestasi eksport PROTON yang perlu menghadapi pelbagai cabaran sukar. Antara cabaran yang dihadapi adalah keupayaan memenuhi peraturan-peraturan antarabangsa yang lebih ketat terutamanya dari segi undang-undang keselamatan dan pelepasan asap. Selain itu, persaingan pasaran melalui pendekatan tekanan harga, pengeluaran dan pengenalan model-model baharu oleh syarikat-syarikat automotif global yang lebih pendek serta permintaan pengguna yang lebih dinamik turut memberi kesan ke atas prestasi eksport PROTON.

Menyedari hal ini, menerusi Pelan Perniagaan 5 Tahun, PROTON telah merangka beberapa rancangan dan langkah strategik bagi mentransformasi dan memastikan PROTON terus berdaya saing di dalam mahupun di luar negara, dengan:

- (i) membuat semakan ke atas model perniagaan pasaran eksport bagi memenuhi matlamat jangka panjang syarikat;
- (ii) mengemaskini dan membangunkan produk berteknologi tinggi merangkumi pelbagai aspek iaitu enjin dan transmisi, bahan dan proses, reka bentuk moden serta merancang model-model baharu bagi memenuhi permintaan di beberapa pasaran strategik seperti Middle East and North Africa, Afrika Selatan, ASEAN dan lain-lain;
- (iii) mengoptimum dan merasionalkan jumlah rangkaian anak syarikat dan peniaga antarabangsa bagi meningkatkan mutu jualan dan perkhidmatan; dan
- (iv) meningkatkan usaha pemasaran dan penjenamaan bagi meningkatkan keyakinan pengguna di dalam dan luar negara.

Kerajaan, dalam usaha menyokong pembangunan PROTON sebagai projek nasional, sentiasa menggalakkan syarikat untuk meningkatkan daya saingnya dengan mengambil langkah-langkah seperti, dengan izin, lebih *cost-effective*, berkualiti tinggi dan berteknologi terkini. Beberapa dasar dan langkah-langkah yang diperkenalkan di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) juga bertujuan untuk membangun dan mengukuhkan lagi keupayaan dan daya saing PROTON.

Sokongan yang diberi termasuklah dalam aktiviti peluasan pasaran, peningkatan produktiviti serta kualiti, pengurangan kos dan pembangunan rantai bekalan berdasarkan pelan transformasi syarikat yang selari dengan objektif projek nasional.